

TEKS UCAPAN Y. BHG. NAIB CANSELOR UTeM SEMPENA SEMINAR 1  
MALAYSIA PADA 21 OKTOBER 2009 JAM 5.30 PETANG BERTEMPAT DI  
DEWAN AUDITORIUM BANGUNAN CANSELORI, UTeM

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WRT. WBKTH. DAN SALAM SEJAHTERA

YBHG DATO' MOHAMED DAHAN ABDUL LATIF

PENGERUSI NON GOVERMENTAL ALLIANCE FOR 1 MALAYSIA (NGAM)

Y. BHG. DATO' PROF. DR. MOHD NOR BIN HUSAIN

TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)

Y. BHG. DATUK PROF. MADYA DR ABU BAKAR BIN MOHD DIAH

TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN & INOVASI)

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI,

YANG DIPERTUA DAN BARISAN EXCO MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR  
(MPP)

AHLI-AHLI JAWATANKUASA GPMS CAWANGAN KHAS UTeM

SETERUSNYA PARA PELAJAR YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,

BERSYUKUR KITA KE HADRAT ALLAH SWT KERANA DENGAN IZINNYA  
KITA DAPAT BERKUMPUL PADA HARI INI BAGI MENJAYAKAN SEMINAR 1  
MALAYSIA. IA ADALAH SATU PROGRAM PEMBANGUNAN DIRI PELAJAR

DALAM KONTEKS KITA MEMUPUK SEMANGAT KECINTAAN KITA KEPADA NEGARA.

SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA YANG BERBAHAGIA DATO' MOHAMED DAHAN ABDUL LATIF, PENERUS NON GOVERNMENTAL ALLIANCE FOR 1 MALAYSIA (NGAM) KERANA SUDI BEKERJASAMA DENGAN UTeM BAGI MEREALISASIKAN PROGRAM YANG BERLANGSUNG INI. JUGA UCAPAN SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA AHLI JAWATANKUASA GPMS CAWANGAN KHAS UTeM YANG TELAH BEKERJA KERAS MENJAYA PROGRAM INI,.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

YAB DATUK SERI MOHD NAJIB BIN TUN RAZAK SEMASA PELANTIKANNYA SEBAGAI PERDANA MENTERI MALAYSIA YANG KEENAM PADA 3 APRIL 2009 MENEGASKAN TENTANG GAGASAN "1 MALAYSIA. RAKYAT DIDAHULUKAN. PENCAPAIAN DIUTAMAKAN". UNTUK ITULAH MAKA PADA HARI INI KITA TERPANGGIL UNTUK MEMBICARAKAN TENTANG GAGASAN PERDANA MENTERI BERKENAAN DENGAN 1 MALAYSIA. SECARA UMUMNYA 1 MALAYSIA ADALAH GAGASAN YANG MEMINTA RAKYAT BERSATU HATI TANPA MENGIRA KAUM BERSAMA MEMBANGUNKAN NEGARA MALAYSIA.

SEMASA UCAPANNYA DALAM SIDANG DEWAN RAKYAT YANG PERTAMA SEBAGAI PERDANA MENTERI, BELIAU MEMBERITAHU BAHAWA " SATU MALAYSIA MENGHARGAI DAN MENGHORMATI IDENTITI-IDENTITI ETNIK KAUM DI MALAYSIA DAN MENGANGGAPNYA SEBAGAI SATU ASET ATAU KELEBIHAN YANG PATUT DIBANGGAKAN". SETERUSNYA BELIAU BERKATA BAHAWA FORMULA SATU MALAYSIA AKAN TERLAKSANA DALAM DUA ASPEK UTAMA IAITU PENERAPAN TERAS-TERAS PERPADUAN DAN NILAI-NILAI ASPIRASI.

TERAS-TERAS PERPADUAN BERKENAAN ADALAH SEPERTI BERIKUT:

1. PENERIMAAN ANTARA SEMUA KAUM DI MALAYSIA

2. PRINSIP-PRINSIP KENEGARAAN BERASASKAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN DAN RUKUN NEGARA
3. KEADILAN SOSIAL

NILAI-NILAI ASPIRASI PULA MERUJUK KEPADA PERKARA BERIKUT:

1. BUDAYA KECEMERLANGAN DALAM MELAKSANAKAN SEMUA TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB
2. BUDAYA KETEPATAN DARI SEGI MENGHORMATI WAKTU DAN MENINGKATKAN KECEKAPAN.
3. KEBERANIAN UNTUK BERINOVASI DAN MENEROKA PELUANG BARU

4. MERITOKRASI DALAM MEMBERIKAN TUGASAN KEPADA YANG PALING LAYAK MELAKSANAKANNYA BERLANDASKAN PERLEMBAGAAN PESEKUTUAN DAN DASAR NEGARA
5. KESETIAAN YANG TIDAK BELAH BAHAGI KEPADA NEGARA
6. KETABAHAN MENGHARUNGI CABARAN MENDATANG DAN INTERGRITI DALAM SEGALA URUSAN DAN TRANSAKSI

HADIRIN HADIRAT YANG DIHORMATI

TERNYATA BAHAWA 1 MALAYSIA ADALAH AJAKAN PERDANA MENTERI UNTUK MENYATU PADUKAN RAKYAT DARI PELBAGAI KAUM, GOLONGAN DAN USIA KE ARAH MEMBENTUK SATU MASYARKAT YANG BERJAYA,



UNGGUL DAN CEMERLANG. PERDANA MENTERI MENGAJAK SUPAYA RAKYAT MELUPAKAN SEGALA PERBEZAAN PANDANGAN, KAUM, BUDAYA, PERASAAN DAN SEBAGAINYA KE ARAH SATU MATLAMAT IAITU SATU MALAYSIA DALAM APA JUA PERBEZAAN.

IA MENGHARAPKAN KERJASAMA, SOKONGAN, KEIKHLASAN, PERPADUAN, KESETIAAN, KETELUSAN, KESUNGGUHAN DAN TOLERANSI BAGI MENCAPAINYA. SEBAGAI RAKYAT DAN WARGA NEGARA YANG PRIHATIN DAN CINTA AKAN NEGARA MAKA KONSEP 1 MALAYSIA INI ADALAH RESIPI MENCAPAI KEJAYAAN YANG LEBIH BESAR DARIPADA YANG TELAH KITA NIKMATI HARI INI.

1 MALAYSIA MEMERLUKAN INTERGARASI NASIONAL DAN PERPADUAN SEBENAR YANG DICAPAI DENGAN MENGENEPIKAN PELBAGAI FAKTOR PENGHALANG SAMA ADA WILAYAH, KAUM, TARAF HIDUP, PERBEZAAN BUDAYA, AGAMA DAN FAHAMAN POLITIK. IA MEMERLUKAN PEMERKASAAN DARI SEGALA PERBEZAAN YANG WUJUD UNTUK MENJADIKANNYA ASAS TERHADAP SATU PERJUANGAN IAITU MEMARTABATKAN KEUNGGULAN DAN KEBIWABAWAAN NEGARA KE PERSADA ANTARABANGSA.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

SETELAH 52 TAHUN MERDEKA, KITA SEMAKIN MELUPAKAN TENTANG PENTINGNYA KEBERSAMAAN DALAM MENGHADAPI GELOMBANG GLOBALISASI. GENERASI MUDA SEMAKIN MELUPAKAN SEMANGAT BERSATU JIWA DAN BERKORBAN APA SAHAJA BAGI MEMASTIKAN NEGARA BERADA DALAM KEHIDUPAN YANG TERJAMIN SEPERTIMANA GENERASI TERDAHULU LAKUKAN BAGI MENUNTUT KEMERDEKAAN.

SEMAKIN HARI GENERASI MASA KINI SEMAKIN MENONJOLKAN KEPENTINGAN DIRI ATAU KAUM UNTUK MENUNTUT SESUATU HAK YANG BUKAN MUTLAK. MEREKA SEMAKIN LUPA KEPADA SEJARAH DAN HANYA

MEMIKIR APAKAH PERUBAHAN MASA DEPAN YANG PERLU KITA LAKUKAN DENGAN BERGERAK SECARA SENDIRI DAN MENGENEPIKAN SEMANGAT KEBERSAMAAN YANG TELAH PUN KITA PUPUK SEBELUMNYA. SESUATU MASALAH DAN KEJAYAAN TIDAK LAGI DILIHAT SECARA KOLEKTIF SEBAGAI KEJAYAAN BERSAMA TETAPI BERSIFAT PERIBADI.

PEMAHAMAN INI PERLU DIPERBETULKAN KERANA KITA BERADA PADA SATU NEGARA DENGAN SATU PERJUANGAN ATAU MATLAMAT IAITU MEMBENTUK NEGARA BANGSA YANG UTUH SERTA DIMILIKI OLEH SEMUA RAKYAT. HASRAT INI HANYA AKAN TERCAPAI KALAU KITA BENAR-BENAR SEDAR DAN FAHAM BAHAWA KITA BERADA PADA SATU

BAHTERA UNTUK MENGHARUNGI APA JUA RINTANGAN BAGI MENCAPI KEJAYAAN BERSAMA.

SELEPAS 31 OGOS DIISYTIHARKAN SEBAGAI CUTI UMUM BAGI MEMPERINGATI KEMERDEKAAN NEGARA, KINI 16 SEPTEMBER DIISYTIHARKAN JUGA SEBAGAI CUTI UMUM SEMPENA PEMBENTUKAN NEGARA MALAYSIA. CUTI UMUM YANG DIISYTIHARKAN OLEH KERAJAAN ADALAH SATU MEKANISME UNTUK MENGINGATI BERTAPA KITA MEMERLUKAN NOSTALGIA ATAU IMBASAN MASA LEPAS BAGI MEMBANGKITKAN PERASAAN PATRIOTISME KEPADA NEGARA.

SEBAGAI SEORANG MAHASISWA YANG TERPELAJAR DAN MENGENALI SEJARAH NEGARA, SEHARUSNYA KITA SUDAH MENJADI MATANG DAN TIDAK PERLU DIPERINGATKAN TENTANG TARIKH-TARIKH PENTING SEJARAH NEGARA UNTUK MEMBANGKITKAN PERASAAN SAYANG AKAN NEGARA INI. APA YANG PERLU ADA PADA KITA IALAH KESEDARAN, PERASAAN BERSYUKUR DAN INSAF TENTANG KEPERITAN YANG DIRASAI OLEH SEBAHAGIAN RAKYAT NEGARA LAIN YANG MASIH BERJUANG UNTUK MEMBEBAHKAN DIRI DARI BELENGU PENJAJAHAN ATAU KEPERITAN HIDUP.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

AKHIR KATA SAYA MENGHARAPKAN SEMINAR INI MEMENUHI MATLAMATNYA DALAM MEMBERI KESEDARAN KEPADA KITA TENTANG PERANAN KITA TERUTAMANYA MAHASISWA DAN PEMIMPIN BELIA TENTANG TANGGUNGJAWAB MENYEBARLUASKAN MAKSUD GAGASAN 1 MALAYSIA KEPADA MASYARAKAT UMUM. KEPADA SEMUA PIHAK YANG MENJAYAKAN PROGRAM INI, SEKALI LAGI SAYA MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH

SEKIAN, WABILLAHITAUFIKWALHIDAYAH WSM WRT WBKTH.